

Cuaca panas kering dijangka berakhir hujung bulan ini

KUALA LUMPUR – Cuaca panas dan kering yang melanda negara dijangka berakhir pada penghujung bulan ini sebelum negara mula mengalami musim peralihan monsun pada April.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che

Gayah Ismail berkata, cuaca panas telah pun berada di tahap puncak pada Februari lalu.

“Bermula April, cuaca akan menjadi lebih lembab kerana aktiviti ribut petir yang akan kerap terjadi pada waktu petang terutama

di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Tambah Gayah, musim peralihan juga akan mengurangkan kesan fenomena El Nino yang kini sedang mengalami penurunan dan

berakhir pada Jun ini.

Katanya, keadaan cuaca panas yang melanda negara boleh mencetuskan fenomena gelombang haba yang boleh membawa risiko kesihatan seperti hipertemia dan strok haba.

Jabatan Meteorologi di-

jangka akan memberi taklimat mengenai keadaan cuaca dalam mesyuarat yang dijadualkan berlangsung hari ini yang turut melibatkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.



CHE GAYAH